Buku Panduan

Memartabatkan kepentingan pendidikan bagi kanak- kanak tanpa kewarganegaraan

RYTHM FOUNDATION
QI SOCIAL IMPACT INITIATIVE

DHRRA MALAYSIA

Jika anda memerlukan sebarang pertanyaan maklumat dan bantuan tentang permohonan/ pendaftaran kemasukan kanak-kanak tanpa kewarganegaraan ke pusat pengajian. SIla hubungi kami untuk urusan lebih lanjut.

Perkhidmatan dan nasihat kami adalah PERCUMA.

Jangan malu hendak bertanya,
Nescaya akan orang tunjukkan,
DHRRA MALAYSIA itu namanya,
Khidmat bantuan yang anda perlukan.

Diterbitkan pada Disember 2019

Alamat Ibu Pejabat :
DHRRA Malaysia
301 & 302 Block E Kelana Parkview
No 1, SS 6/2, 47301 Kelana Jaya
Petaling Jaya Selangor.

T : +603 7865 3371
+603 7865 7271
F : +603 7865 8371

general@dhrramalaysia.org.my

Isi Kandungan

4 Pendahuluan

6 Matlamat

7 Mentakrif orang tanpa kewarganegaraan dan istilah lain yang berkaitan

8 Faktor-faktor penyumbang ketiadaan kewarganegaraan bagi kanak-kanak

9 Kategori status kanak-kanak tanpa kewarganegaraan

11 Garis panduan permohonan

12 Prosedur permohonan

17 Kelayakan bantuan sekolah kerajaan

18 Penerimaan dan perlindungan kanak-kanak tanpa kewarganegaraan

20 Matlamat pembangunan lestari (SDG)

21 Soalan lazim

22 Sijil komitmen

Pendahuluan

Pendidikan yang berkualiti adalah hak asasi manusia. Setiap individu, berhak mendapat pendidikan tanpa mengira latar belakangnya. Walaubagaimanapun, kebanyakan kanak-kanak dipinggirkan terutamanya disebabkan oleh situasi yang di luar jangkaan mereka. Ketiadaan pendidikan rasmi meningkatkan lagi pelbagai rintangan yang dihadapi oleh remaja dan kanak-kanak tanpa kewarganegaraan. Di Malaysia, kanak-kanak tanpa kewarganegaraan telah dihalang daripada memasuki bilik darjah atau dikenakan yuran yang jauh lebih tinggi sama seperti yang dikenakan kepada warga asing, dan menyebabkan mereka tidak mampu untuk membiayai pendidikan. Selain itu, ada juga situasi dimana kanak-kanak tanpa kewarganegaraan tidak dibenarkan untuk menduduki peperiksaan akhir tahun; atau diploma dan juga sijil graduasi mereka ditahan, mengakibatkan mereka tidak dapat meneruskan pembelajaran ke taraf yang lebih tinggi dan memperolehi peluang kerjaya yang lebih baik.

Kanak-kanak tersebut juga sering kali mendapati diri mereka tidak berkelayakan untuk mendapat bantuan pelajaran atau pinjaman pendidikan. Walau apapun halangan yang dihadapi, keputusannya tetap sama : seorang lagi anak muda telah dinafikan ilmu dan peluang untuk meneroka kebolehan mereka.

Persatuan Jaringan Pembangunan Manusia Luar Bandar (DHRRA) Malaysia ditubuhkan untuk menggalakkan pembentukan masyarakat yang kukuh dan berdikari melalui inisiatif pemerkasaan golongan akar umbi. Oleh itu, lebih dari sedekad pelaksanaan usaha-usaha pembangunan masyarakat telah mendedahkan kami kepada situasi kehidupan golongan tanpa kewarganegaraan.

Dipertengahan tahun 2014, DHRRA telah memulakan usaha untuk menangani isu tanpa kewarganegaraan di Semenanjung Malaysia. Pemahaman skala isu tanpa kewarganegaraan, punca dan akibatnya haruslah berlandaskan pada data asas yang tepat. Pengumpulan data asas yang tepat merupakan langkah yang sewajarnya untuk menangani masalah tersebut. Melalui pendaftaran dan khidmat bantuan Community-based paralegals, DHRRA telah mengumpulkan sejumlah kes golongan tanpa kewarganegaraan dan mengenal pasti isu-isu yang berkaitan seperti akses kepada pendidikan. Tambahan lagi, pengalaman bertahun berkhidmat membantu golongan tanpa kewarganegaraan telah membolehkan kami memahami secara lebih mendalam akan kekurangan maklumat/pengetahuan dikalangan golongan berkepentingan akan prosedur yang menjadi punca ramai kanak-kanak tidak bersekolah.

Akhir kata, RYTHM Foundation serta DHRRA Malaysia telah berkerjasama untuk mendidik para golongan berkepentingan dan menyokong kanak-kanak untuk mengakses pendidikan dan mengurangkan pelajar-pelajar yang tercicir. Para ibu bapa, guru dan ketua masyarakat akan didedahkan dan diperkasakan untuk memahami prosedur bagi mempermudahkan proses kanak-kanak tanpa kewarganegaraan mendapat pendidikan yang sewajarnya.

Sekian

Kata pengantar kepada DHRRA daripada Yayasan RYTHM

Yayasan RYTHM

Setiap kanak-kanak layak mendapat pendidikan!
Penyata ini menjadi kepercayaan dan keutamaan semua warga Yayasan RYTHM. Kami percaya bahawa setiap orang mempunyai hak asasi untuk mendapat pendidikan tanpa mengira bangsa, jantina atau agama.

Yayasan RYTHM singkatan bagi 'Raise Yourself to Help Mankind' suatu frasa yang menjadi panduan kerja kami dalam misi untuk mengubah dunia, seorang demi seorang, komuniti demi komuniti, dan sasaran demi sasaran. Dengan semangat ini, kami ingin merakamkan penghargaan terbesar kami bagi usaha Rangkaian Pembangunan Manusia Luar Bandar (DHRRA) dalam menangani isu sosial penting berkenaan kanak-kanak tanpa kerakyatan di negara Malaysia.

DHRAA telah dengan tabahnya mengambil tanggungjawab bagi isu sosial ini dengan penuh keikhlasan dan tulus hati bagi membantu golongan individu yang dipinggirkan, dan usaha mereka telah membuah hasil dalam penerbitan buku panduan bertajuk "Mengutamakan Kepentingan Pendidikan bagi Kanak-Kanak Bukan Warganegara". Kami ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada DHRRA atas kejayaan yang dicapai dalam penerbitan buku panduan ini, yang kami yakin akan membantu mengubah kehidupan individu-individu yang memerlukan di negara tercinta kami.

Kami amat yakin dengan penerbitan buku panduan ini, dan kerjasama strategik antara agensi, kerajaan dan pemimpin komuniti, kami boleh bersama-sama membantu meningkatkan kesedaran, dan akhirnya mengurangkan bilangan kanak-kanak tanpa kerakyatan di negara kami.

Kami semua di Yayasan RYTHM berasa amat bangga dan sukacita untuk bekerjasama dengan DHRRA dalam penerbitan buku panduan ini. Kami berharap agar dapat memperluaskan capaian dan membantu sebanyak individu yang mungkin. Syabas kepada DHRRA, kami terus berganding bahu dalam setiap langkah anda.

Dengan Tulus Ikhlas,
YAYASAN RYTHM

RYTHM FOUNDATION
QI SOCIAL IMPACT INITIATIVE

Mentakrif orang tanpa kewarganegaraan dan istilah lain yang berkaitan

Matlamat

Ketiadaan kewarganegaraan adalah masalah yang terselindung, meskipun ia merupakan satu isu global yang melibatkan jutaan kanak-kanak di seluruh dunia. Panduan ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dikalangan golongan berkepentingan untuk memastikan belia dan kanak-kanak tanpa kewarganegaraan dan tidak berdokumen dapat mengakses sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan.

Kewarganegaraan adalah hubungan sah antara seseorang dan negaranya. Ia merupakan prasyarat untuk menikmati hak - hak dan faedah - faedah lain; termasuk hak asasi seperti hak untuk menetap di negaranya dan pulang semula dari luar negeri, hak untuk mengundi dan melibatkan diri dalam hal ehwal awam, hak untuk menerima pendidikan, penjagaan kesihatan dan perumahan.

Mentakrif orang tanpa kewarganegaraan dan istilah lain yang berkaitan

Tidak berdokumen

Seseorang yang tidak mendaftarkan kelahiran mereka atau maklumat pengenalan mereka tidak dicatat oleh jabatan pendaftaran negara.

Tidak dapat ditentukan

Seseorang yang kewarganegaraannya tidak dapat ditentukan tidak mempunyai bukti kepemilikan mana-mana kewarganegaraan dan sama ada mempunyai hubungan dengan lebih daripada satu negeri (berdasarkan kelahiran, keturunan, perkahwinan, atau kediaman biasa) atau dianggap dan diterima oleh pihak berkuasa dalam negeri tempat tinggal seakan mempunyai kaitan sedemikian ke negeri-negeri lain. Keadaan kewarganegaraan yang tidak dapat ditentukan mestilah dalam tempoh yang singkat.

Risiko tinggi status tanpa kewarganegaraan

Seseorang yang berisiko dengan tanpa kewarganegaraan adalah bukan tidak bernegara tetapi boleh menjadi tidak bernegara jika faktor-faktor tertentu wujud. Dalam kebanyakan kes, beberapa faktor akan berperanan sebelum orang boleh dianggap sebagai berisiko dengan status tanpa kewarganegaraan. Ini termasuk orang yang tidak berdokumen, dan mereka yang tinggal di kawasan sempadan yang tidak mempunyai pendaftaran kelahiran.

Tanpa kewarganegaraan

Orang yang tidak bernegara adalah seseorang yang tidak diiktiraf sebagai warganegara oleh mana-mana negeri di bawah penguatkuasaan undang-undangnya.

Faktor-faktor penyumbang ketiadaan kewarganegaraan bagi kanak-kanak

- Percanggahan undang-undang kewarganegaraaan antara negara-negara yang mempunyai pertalian dengan kanak-kanak tersebut
- Kewarganegaraan ibu bapa tidak diketahui kerana bayi telah ditinggalkan
- Ibu bapa telah kehilangan atau tidak dapat membuktikan kewarganegaraan mereka sendiri
- Kanak-kanak itu tidak dapat mengakses pendaftaran kelahiran atau membuktikan hubungan yang kukuh dengan mana-mana negara
- Ibu tidak dapat memberi kewarganegaraan kepada anak pada asas yang sama dengan bapa

Kategori status kanak-kanak tanpa kewarganegaraan

Salah seorang ibu atau bapanya warganegara



Proses permohonan kemasukan kanak-kanak warganegara tanpa dokumen ke sekolah kerajaan/bantuan kerajaan hendaklah di buat oleh ibu bapa/penjaga kanak-kanak itu sendiri melalui sekolah atau pejabat pendidikan daerah di negeri pemohon

Kategori status kanak-kanak tanpa kewarganegaraan

Murid tanpa kerakyatan yang dijadikan anak angkat yang sah oleh warganegara Malaysia

Murid bukan warganegara yang telah diambil oleh warganegara Malaysia sebagai anak angkat boleh bersekolah di sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan dengan mengemukakan:

Sijil Pengangkatan yang sah dari Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), atau Perintah mahkamah tentang hak penjagaan murid; atau Surat Akuan Penjagaan Murid daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan salinan permohonan taraf kewarganegaraan dari JPN

Murid tanpa kerakyatan di bawah penjagaan pusat kebajikan atau rumah kebajikan yang berdaftar

Kanak-kanak yang dijaga oleh pusat kebajikan atau rumah kebajikan berdaftar dengan jabatan kebajikan masyarakat boleh di terima bersekolah dengan syarat surat kuasa penjagaan kanak-kanak tersebut daripada Jabatan kebajikan masyarakat atau surat perintah mahkamah bagi hak penjagaan dan salinan kad pengenalan pengurus/pengetua pusat sebagai penjaga yang sah dikemukakan bersama borang permohonan

Garis Panduan Permohonan:

Pemohonan pendaftaran murid tanpa kerakyatan ke sekolah kerajaan & bantuan kerajaan

Ambil borang PU(A)275 (warna merah) di Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) atau Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)

Pilih sekolah dan dapatkan tandatangan daripada Pengetua sekolah tersebut

Hantar surat permohonan di PPD/JPN

Tunggu keputusan dari JPN (dalam 21 hari)

LULUS

Bayar Fi Pengajian (dapatkan surat kelulusan dan resit bayaran)

Hantar surat kelulusan dan resit bayaran di sekolah

GAGAL

Mohon semula

RYTHM FOUNDATION

DHRRA MALAYSIA

Prosedur Permohonan



P.U.(A)275

JADUAL PERTAMA

Perenggan 5(2) (c)

Subperenggan 7 (3)

AKTA PENDIDIKAN 1996

PERATURAN-PERATURAN PENDIDIKAN
(PENERIMAAN MASUK MURID KE SEKOLAH, PENYIMPANAN DAFTAR DAN SYARAT BAGI PENGEKALAN MURID BELAJAR DI SEKOLAH) 1998

PERMOHONAN PENERIMAAN MASUK MURID BUKAN WARGANEGARA KE SEKOLAH KERAJAAN / SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN

BAHAGIAN I

Untuk diisi oleh ibubapa atau penjaga

Kepada : Pengarah Pelajaran Negeri.....

Melalui: Guru Besar atau Pengetua

.....

.....

Saya memohon untuk memasukkan anak lelaki/perempuan di bawah jagaan saya* bernama .....yang beralamat .....

(Alamat)

Ke sekolah kerajaan/bantuan kerajaan di dalam negeri.....

Potong jika tidak berkenaan

A. **BUTIR-BUTIR TENTANG MURID** NO. TEL: .....

1. Nama penuh.....
2. Bangsa.....
3. No. Kad Pengenalan/surat beranak.....
4. Negeri yang mengeluarkan .....
5. Warganegara.....
6. Tarikh Lahir.....
7. No. Pasport/tarikh habis tempoh pasport/tempoh tinggal di Malaysia:

.....

1

Negeri Berkenaan

Cop Guru Besar atau Pengetua sekolah yang di daftar

Maklumat Pemohon contoh Ibu, Bapa atau penjaga

Maklumat Murid / Anak / Subjek Mengikut Sijil Kelahiran

RYTHM FOUNDATION
DHRRA MALAYSIA

Prosedur Permohonan



B. BUTIR-BUTIR TENTANG BAPA
1. Nama penuh:
2. Bangsa:
3. No. Kad Pengenalan/surat beranak:
4. Negeri yang mengeluarkan :
5. Warganegara:
6. Tarikh Lahir:
7. No. Pasport/tarikh habis tempoh pasport/tempoh tinggal di Malaysia:

C. BUTIR-BUTIR TENTANG IBU
1. Nama penuh:
2. Bangsa:
3. No. Kad Pengenalan/surat beranak:
4. Negeri yang mengeluarkan :
5. Warganegara:
6. Tarikh Lahir:
7. No. Pasport/tarikh habis tempoh pasport/tempoh tinggal di Malaysia:

D. BUTIR-BUTIR TENTANG PENJAGA
1. Nama penuh:
2. Bangsa:
3. No. Kad Pengenalan/surat beranak:
4. Negeri yang mengeluarkan :
5. Warganegara:
6. Tarikh Lahir:
7. No. Pasport/tarikh habis tempoh pasport/tempoh tinggal di Malaysia:

E. ADAKAH NAMA MURID YANG TERSEBUT DI ATAS TERMASUK DALAM

(i) Pasport bapa Ya / Tidak
(ii) Pasport Ibu Ya / Tidak

F. PENGAKUAN

Saya ..... No. Kad Pengenalan/passport.....
(Nama)
dengan sesungguhnya mengaku bahawa-
(a) Pernyataan-pernyataan yang terkandung dalam borang permohonan ini dan dokumen-dokumen yang dikepilkan adalah benar sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya; dan
(b) tandatangan pada borang permohonan ini adalah dengan tulisan tangan saya

Ditandatangani dan diakui oleh saya

....
(Tandatangan) (Tarikh)

2

Maklumat Bapa

Mengikut Sijil kelahiran Murid / Anak Tersebut

Maklumat Ibu

Mengikut Sijil kelahiran Murid / Anak Tersebut

Maklumat Penjaga

Anak Angkat masih dalam proses
Mengikut Surat Hak Penjaga
Mengikut Surat Mahkamah (Lawyer)

Mengikut Pasport Ibu Bapa (Jika ada)

Pengakuan Maklumat benar

RYTHM FOUNDATION
DHRRA MALAYSIA

Prosedur Permohonan



BAHAGIAN II

Untuk diisi oleh Guru Besar atau Pengetua

BUTIR-BUTIR TENTANG MURID:

(a) Nama: ..... (b) Tarikh Lahir: .....
(c) Tempat Lahir: ..... (d) Kerakyatan: .....
(e) Tahun / Tingkatan (sekarang): .....
(f) Tahun tarikh/tingkatan tertinggi: .....
(g) Kelulusan/tahun: .....
(h) Tarikh masuk tahun pertama: .....
(i) Lama belajar di (i) sekolah rendah: .....
(ii) sekolah menengah: .....

(Tandatangan Guru Besar atau Pengetua dan cop) (Tarikh)

BAHAGIAN III

(Untuk kegunaan Jabatan Pelajaran Selangor)

1. Keputusan Pengarah Pelajaran Selangor:

☐ Penerimaan masuk ke tahun/tingkatan diluluskan

☐ Penerimaan masuk ke tahun/tingkatan tidak diluluskan

Cop Rasmi

(Tandatangan Pengarah Pelajaran Negeri) (Tarikh)

BAHAGIAN IV

(Untuk kegunaan Kementerian Pelajaran Malaysia)

1. Keputusan Ketua Pendaftar :

☐ Penerimaan masuk ke tahun/tingkatan diluluskan

☐ Penerimaan masuk ke tahun/tingkatan tidak diluluskan

☐ Murid ini dinasihatkan dimasukkan ke institusi pendidikan swasta

Cop Rasmi

(Tandatangan Ketua Pendaftar Sekolah dan Guru Kementerian Pelajaran Malaysia) (Tarikh)

3

Kegunaan Guru Besar / Pengetua

Kegunaan Jabatan Pelajaran Negeri

Kegunaan Kementerian Pendidikan Malaysia

RYTHM FOUNDATION
DHRRA MALAYSIA

Prosedur Permohonan

Dokumen berikut perlu disertakan



Sila sertakan dokumen-dokumen yang berikut dengan borang itu:

(i) Tiga salinan borang ini hendaklah dihantarkan bersama dengan butir-butir yang dikehendaki dalam Bahagian I

(ii) Bahagian I hendaklah diisi oleh ibubapa

(iii) Bahagian II hendaklah diisi oleh Guru Besar atau Pengetua

(iv) Dua salinan dokumen-dokumen berikut yang telah ditentu sahkan hendaklah disertakan bersama borang permohonan iaitu surat beranak , kad pengenalan dan pasport murid, ibubapa

(v) Jika ibubapa murid bekerja di Negara ini, sila kemukakan bersama salinan pas tanggungan dan surat majikan yang telah ditentu sahkan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(vi) Sekiranya permohonan bukan dari ibubapa, sila kemukakan dokumen-dokumen diri seperti perenggan (iv) dan dua salinan surat keterangan hubungannya dengan murid tersebut yang telah ditentu sahkan

Contoh: Surat daftar anak angkat mengikut seksyen 25 Akta Pengangkatan 1952

DOKUMEN MURID BUKAN WARGANEGARA MALAYSIA MENGIKUT TURUTAN:

LIST OF DOCUMENT FOR NON MALAYSIAN:

1. Borang permohonan(Warna Merah Jambu-3 salinan)
   Application form (Pink Colour – 3 copies)

2. Diperlukan 2 SALINAN dokumen bagi setiap item di bawah:
   Requirement 2 COPIES of document for each item below:

2.1 Sijil Kelahiran / Sijil Anak Angkat
Birth Certificate

2.2 Passport Anak (Yang Terkini)
Latest Child Passport

2.3 Pass Perjalanan Anak
Dependent Pass

2.4 Kad Pengenalan Bapa
Father's Identity Card(IC)

2.5 Passport Bapa
Father's Passport

2.6 Pass Kerja BAPA / IBU
Father/ Mother "EMPLOYMENT PASS" ONLY

2.7 Pass Pelajar (MASTER ke atas di Universiti Kerajaan Sahaja)
Students Pass (Master's and above only in Government University)

2.8 Permit Masuk Bapa
Father's Permit

2.9 Surat pengesahan Kerja Daripada Majikan/ Surat Tawaran Jawatan
Confirmation Letter From Employee/ Offer Letter

2.10 Kad Pengenalan Ibu
Mother's Identity Card

2.11 Passport Ibu
Mother's Passport

2.12 Pass Perjalanan Ibu Terbaru
Dependent Pass

2.13 Permit Ibu Masuk
Mother's Permit

2.14 Butir-Butir Persekolahan Anak Terdahulu
Previous School Record/ Document/ Certificate

2.15 Slip Peperiksaan UPSR (Untuk Ke Sekolah Menengah)
UPSR Exam Slip (To Secondary School)

2.16 Sijil Nikah/ Cerai/ Mati
Married Certificate/ Divorce Document/ Death Document

UNIT PERHUBUNGAN & PENDAFTARAN (UPP)

JABATAN PENDIDIKAN SELANGOR

TEL: 03-55186500 (G/L):03-55186208 (KAUNTER UPP)

RYTHM FOUNDATION
OF SOCIAL IMPACT INITIATIVE
DHRRA MALAYSIA

Prosedur Permohonan

Maklumat Murid Mengikut Sijil Kelahiran



JADUAL KEDUA

Subperaturan 6 (1)

AKTA PENDIDIKAN 1996

PERATURAN-PERATURAN PENDIDIKAN
(PENERIMAAN MASUK MURID KE SEKOLAH, PENYIMPANAN
DAFTAR DAN SYARAT BAGI PENGEKALAN MURID
BELAJAR DI SEKOLAH) 1998

DAFTAR PENERIMAAN MASUK MURID

1. Nama murid (seperti dalam surat Beranak/Kad Pengenalan :.....
2. Nama ibubapa/penjaga (seperti dalam Surat beranak/Kad Pengenalan :.....
3. Tarikh dan tempat lahir :.....
4. Umur pada 1 Januari :.....
5. No.Kad Pengenalan/surat beranak :.....
6. Bangsa :.....
7. Alamat :.....
8. Alamat surat menyurat(jika lain dari no.7):.....
9. Tarikh didaftarkan sekolah :.....

Kelayakan Bantuan Sekolah Kerajaan

Fi Pengajian

Sekolah Rendah	RM 120.00 Setahun
Sekolah Menengah	RM 240.00 Setahun

Bantuan Buku Teks

Rancangan Makanan Tambahan

Diskriminasi



Adalah perbuatan yang membezakan layanan terhadap golongan yang bertaraf lebih rendah.

Rangkuman Sosial

Rangkuman sosial ialah keadaan di mana semua individu dapat menyertai dan menyumbang kepada kehidupan budaya dan sosial. Kanak - kanak yang terangkum sebagai sebahagian daripada masyarakat akan dapat memperbaiki taraf hidup mereka dan kesejahteraan masyarakat tersebut

Penerimaan dan perlindungan kanak-kanak tanpa kewarganegaraan

Mengambil berat akan sensitiviti emosi kanak-kanak adalah amat penting. Kata-kata negatif yang diluahkan boleh menyakiti dan memberi impak yang berkekalan terhadap perkembangan rohani dan kesejahteraan mereka.

Justeru itu, kita haruslah sentiasa beringat untuk tidak menuding jari dan menyalahkan kanak-kanak tanpa kewarganegaraan mahupun keluarga mereka

Menghormati kanak-kanak dan ahli keluarganya dari semua aspek.

Hindari dari memperlekeh dan mempersendakan kanak-kanak dengan :

- Menggelar mereka sebagai "Anak luar nikah" atau "Anak angkat"
- Mempersendakan akan status kewarganegaraan mereka
- Mempersenda dan mempersoalkan ibu bapa dan status kekeluargaan mereka

Malaysia komited untuk menyokong Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 2030 menerusi pembangunan selaras petunjuk SDG keadaan tanpa kewarganegaraan boleh menjejaskan seseorang individu tercicir dari alam persekolah. Salah satu yang menjadi tumpuan adalah matlamat keempat SDGs - pendidikan berkualiti. Menurut SDG, matlamat pendidikan berkualiti hanya boleh dicapai apabila soal akses dan inklusiviti atau keterangkuman dilaksanakan. Sehubungan itu, kita perlu mempertahan dasar dan pendekatan ini jika mahu terus maju secara adil dan saksama.

Soalan Lazim

Apakah prosedur untuk kanak-kanak tanpa dokumen jika tidak mempunyai ibu bapa untuk mendaftar masuk ke sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan ?

Bagi kanak-kanak tanpa dokumen yang tidak mempunyai ibu bapa tetapi tinggal dan dijaga oleh penjaga yang sah (nenek/datuk) – mereka tetap boleh bersekolah dengan mengisi borang permohonan dan mengemukakan sesalinan kad pengenalan penjaga.

Adakah ibu bapa, keluarga atau penjaga murid ini perlu mengemukakan permohonan status kewarganegaraan murid ini kepada Jabatan Pendidkan Negeri untuk pengekalan murid ini bersekolah ?

Ya perlu. Ibu bapa, keluarga atau penjaga murid ini perlu mengemukakan permohonan status terkini kewarganegaraan murid ini kepada Jabatan Pendidikan Negeri setiap awal tahun (sewaktu memperbaharui bayaran fi) untuk pengekalan murid ini bersekolah sebagai bukti bahawa permohonan telah dibuat di Jabatan Pendaftaran Negara.

Adakah murid akan ditamatkan persekolahannya jika ibu bapa, keluarga atau penjaga gagal mengemukakan permohonan status terkini kewarganegaraan murid ini kepada Jabatan Pendidikan Negeri ?

Murid ini boleh dicadangkan untuk ditamatkan persekolahannya jika ibu bapa , keluarga atau penjaga gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri atau status terkini permohonan kewarganegaraan murid ini kepada Jabatan Pendidikan Negeri dalam tempoh 2 tahun tersebut.

Bilakah permohonan bersekolah bagi murid bukan warganegara ini dibuka ?

Permohonan bersekolah bagi kemasukan murid bukan warganegara dari Tahun 1 sehingga Tingkatan 1 akan dibuka mulai 1 Oktober hingga 30 November. Permohonan untuk lain-lain kategori murid bukan warganegara boleh dikemukakan sepanjang tahun.

Saya _____

No.kad pengenalan_____dengan ini setulusnya dan sebenarnya memberi komitmen bahawa :

Saya adalah Ibu / bapa / penjaga / Guru / Ketua Masyarakat berikrar dengan sedaya upaya saya akan menyelia dan memberikan sokongan padu bagi menjayakan usaha mulia membantu anak-anak yang tidak berupaya memiliki kewarganegaraan supaya mendapat pendidikan yang selaras dengan matlamat pendidik bagi semua golongan masyarakat, saya menyedari akan kepentingan dan keperluan bagi kanak-kanak yang tidak mempunyai kewarganegaraan. Saya juga berjanji akan memberikan kerjasama kepada pihak sekolah dari segi rohani dan jasmani bagi memastikan tiada seorang pun yang ketinggalan serta kelancaran program ini berkembang pesat dan mencapai adjektif yang dituju . Oleh itu, saya berbesar hati menyatakan bahawanya saya sebulat hati menyokong pelancaran usaha-usaha Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) tempatan Malaysia yang sedang dijalankan.

Sekian yang dijanjikan,

Nama :

Tandatangan :

Lampiran keratan akhbar

Home · News · Nation

2 minute read

Stateless children can enrol in school

'Easier for stateless kids to enrol in school soon'

(File pix) Deputy Education Minister Teo Nie Ching greeting students at SMJK Kuching High yesterday. Bernama Photo

By Bernama - October 13, 2018 @ 8:45am

RECOMMENDED

HOME · MALAYSIA

Putrajaya to allow stateless kids into national schools

Friday, 12 Oct 2018 12:32 PM MYT

Teo said the Education Ministry decided that children without citizenship need only produce their birth certificates, adoption papers or court order to register in government schools. — Picture by Yusof Mat Isa

Dr Maszlee: Over 10,000 special needs children enrolled in schools under Zero Reject policy

NATION

Tuesday, 07 May 2019
10:44 AM MYT

By LEE CHONGHUI

HOME · MALAYSIA

School for stateless kids, inclusive policy among Pakatan successes in first year, education minister says

Tuesday, 30 Apr 2019 07:44 AM MYT

Teo: Parents, guardians of stateless children not aware of educational opportunities

NATION

Sunday, 07 Apr 2019
9:56 AM MYT

By ILI AQILAH

#Endstatelessness

www.dhrramalaysia.org.my
www.facebook.com/DHRRA

Rujukan :
Kementerian Pendidikan Malaysia|Permohonan Kemasukan Sekolah Murid Bukan Warganegara

Penafian:
"DHRRA Malaysia" tidak bertanggungjawab atau berkewajiban atas sebarang kesilapan atau pemotongan dalam kandungan buku panduan kesedaran dan resolusi ini. Buku panduan ini direka untuk tujuan pendidikan, kesedaran dan advokasi sahaja, berdasarkan pada pemetaan dan projek pendaftaran orang tanpa kewarganegaraan yang dibuat di Malaysia. Walaupun kami cuba mengekalkan penggunaan maklumat yang terkini dan betul, tiada pernyataan atau jaminan, tersurat mahupun yang tersirat, mengenai kesempurnaan, keakuratan, kebolehpercayaan, kesesuaian atau kesediaadaan berkenaan dengan maklumat, produk, perkhidmatan, atau grafik yang berkaitan yang terkandung dalam buku panduan ini untuk tujuan apa pun. Sebarang penggunaan maklumat ini adalah tanggungjawab anda sendiri.